



## **WARISAN TC HOLDINGS BERHAD**

### **Dasar Alam Sekitar, Kesihatan and Keselamatan (EHS)**

Warisan TC Holdings Berhad (WTCH) ialah syarikat dengan pegangan pelaburan, dan aktiviti utamanya termasuk pengedaran produk pengguna, penyediaan perkhidmatan perjalanan dan penyewaan kereta, pengedaran dan penyewaan jentera industri serta pemasangan dan pengedaran kenderaan komersial.

WTCH mengiktiraf bahawa pengurusan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan adalah penting untuk kelestarian alam sekitar untuk jangka masa panjang dan dalam memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja, pihak berkepentingan, pelanggan, kontraktor dan vendornya. Dengan berbuat demikian, kami komited untuk:

- Mematuhi semua undang-undang dan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan serta keperluan industri lain yang berkenaan.
- Mengambil tindakan yang sewajarnya untuk meminimumkan jejak karbon dan menangani isu perubahan iklim dengan memulihara dan mengoptimumkan penggunaan sumber bumi, dan mengurangkan pelepasan bahan pencemar dan sisa secara bertanggungjawab.
- Menyediakan persekitaran kerja yang selamat dan kondusif secara proaktif bagi menggalakkan dan memupuk budaya kerja yang selamat dan meminimumkan bahaya di tempat kerja.
- Memastikan semua kakitangan berkemahiran dan mempunyai pengetahuan yang tepat untuk membolehkan mereka memikul tanggungjawab dalam memastikan persekitaran kerja yang selamat dan menyokong WTCH dalam memenuhi komitmen di bawah dasar ini.
- Menggalakkan dan mempengaruhi rakan kongsi rangkaian bekalan untuk mencapai piawaian Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan pekerjaan yang diperlukan untuk masa depan yang mampan.

Dengan memberi penekanan kepada kepimpinan dan pemerkasaan pekerja, pihak pengurusan komited untuk terus menambah baik dan mengekalkan amalan pengurusan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan yang baik.

**Tan Keng Meng**  
**Ketua Pegawai Eksekutif**

**Revision 01**  
**Tarikh: 25 Jan 2024**